

Sarkina Bt Mat Saad @ Shaari

From: Pusat Asasi Pengurusan
Sent: Monday, April 9, 2018 5:05 PM
To: UUM - All Staff; UUM - All Students
Cc: Prof. Dr. Abd Razak B Yaakub; Prof. Madya Dr. Munif Zariruddin Fikri b. Nordin; Dr. Mohamed Ali bin Haniffa; Faizah Bt Hashim
Subject: 23 PELAJAR PROGRAM ASASI PENGURUSAN DEKATI KOMUNITI ISLAM DI CAMBODIA



09 April 2018/ 22 Rejab 1439H

=====

"UUM : UNIVERSITI PENGURUSAN TERKEMUKA"
(*THE EMINENT MANAGEMENT UNIVERSITY*)

23 PELAJAR PROGRAM ASASI PENGURUSAN DEKATI KOMUNITI ISLAM DI CAMBODIA



PAP ONLINE : Dua puluh tiga (23) orang pelajar Program Asasi Pengurusan baru-baru ini berpeluang mengikuti Lawatan Akademik dan Khidmat Komuniti di Phnom Penh pada 25-28 Mac 2018.

Delegasi lawatan seramai 33 orang diketuai oleh Dr. Mohamed Ali bin Haniffa, Timbalan Pengarah (Pembangunan Pelajar), Pusat Asasi Pengurusan bertujuan untuk memberi pendedahan kepada exco-exco Persatuan Pelajar Asasi Pengurusan dan para pelajar dalam aspek pengurusan program di peringkat antarabangsa. Pendedahan tersebut penting bagi melahirkan modal insan yang berkeyakinan tinggi, berwibawa dan berani menerima cabaran.

Pengisian program yang padat seperti aktiviti khidmat komuniti bersama pelajar-pelajar Islam di Norol Iman Islamic School, Kampung Cheroy Mentry, Phnom Penh, lawatan ke pejabat Kedutaan Malaysia di Phnom Penh, lawatan akademik ke Royal University of Phnom Penh (RUPP) dan sesi promosi Program Asasi Pengurusan dan program-program sarjana muda UUM di Cambodia Islamic Centre.

Kesemua aktiviti yang dirancang ternyata memberi suatu pengalaman baharu yang sangat mencabar kepada barisan pelapis pemimpin masa hadapan khususnya semasa sesi bersama pelajar-pelajar tadika, sekolah rendah dan menengah serta masyarakat kampung yang hanya tahu berbahasa Champa.

Ketibaan delegasi dari UUM sangat dinanti-nantikan oleh para penduduk kampung terutamanya anak-anak sekolah menengah kerana mereka berpeluang belajar berkomunikasi dalam Bahasa Inggeris dengan bantuan para pelajar Asasi Pengurusan.

Menurut Pengarah Program, Muhamad Aqil A. Latif, beliau merasa sangat teruja apabila tiba di Kampung Cheroy Mentry, sebuah perkampungan yang terletak hampir 28 kilometer dari bandar Phnom Penh di mana majoriti penduduknya beragama Islam.

Menurutnya lagi, persekitaran dan suasana kampung sangat berbeza dengan di Malaysia seolah-olah seperti zaman 1970-1980-an di Tanah Melayu dahulu. Walaupun mereka tidak tahu berbahasa Melayu atau Inggeris, ucapan salam sentiasa diberi ketika ahli rombongan melintasi rumah mereka.

Seorang peserta program yang ditemu bual, Hana Zafirah Redzuwan berkata, aktiviti khidmat komuniti yang telah dilaksanakan menjadi platform kepada para pelajar untuk mempelajari dan bertoleransi dengan cara hidup, adat serta budaya orang Champa dalam suasana persekitaran yang berbeza.

Menurut Hana, selain mengadakan aktiviti di dalam kelas bersama kanak-kanak tadika dan aktiviti bersama pelajar sekolah menengah, beliau berpuas hati kerana dapat turut sama menyumbang set alat tulis kepada 200 orang pelajar di sekolah tersebut. Harapannya semoga sumbangan yang tidak seberapa itu dapat meningkatkan motivasi pembelajaran anak-anak di kampung tersebut.

Pada sesi malam, hari pertama dan kedua, para pelajar telah mengadakan aktiviti *"Fun With English"* bersama pelajar-pelajar perempuan. Manakala para pelajar lelaki pula mendengar taklimat tentang peluang-peluang melanjutkan pelajaran di Universiti Utara Malaysia.

Secara keseluruhan, program berbentuk akademik dan khidmat komuniti yang turut disertai oleh empat orang pensyarah dan staf Pusat Asasi Pengurusan telah berjaya mencapai objektif dan memberi impak positif serta motivasi kepada para pelajar untuk terus berbakti kepada saudara seagama sama ada dalam atau di luar negara pada masa hadapan.

Pihak pengurusan Pusat Asasi Pengurusan mengucapkan penghargaan dan terima kasih kepada Tn. Hj. Ahmad Puat Hj. Abdul Hamid, Pn. Zurida Azahari, Cik Norzaliza dari SLCP dan En. Mohd. Hanizan Zalazilah daripada STML di atas kerjasama yang diberikan dalam menjayakan program di atas.

TAMAT.

=====

DARIPADA:

**PUSAT ASASI PENGURUSAN
UNIVERSITI UTARA MALAYSIA**

TEL.: 04-928 3452/3456

FAKS: 04-928 3453

E-MEL: asasi@uum.edu.my

FACEBOOK: Pusat Asasi Pengurusan

LAMAN WEB : Pusat Asasi Pengurusan



Universiti Utara Malaysia Official Website <http://www.uum.edu.my>

Disclaimer: This e-mail (including any attachments) may contain confidential information. If you are not the intended recipient, you are hereby notified that any review, distribution, printing, copying or use of this e-mail is strictly prohibited. If you have received this e-mail in error, please notify the sender or Universiti Utara Malaysia (UUM) immediately and delete the original message. Opinions, conclusions and other information in this e-mail that do not relate to the official business of UUM and/or its group of companies shall be understood as neither given nor endorsed by UUM and UUM accepts no responsibility for the same. All liability arising from or in connection with computer viruses and/or corrupted e-mails is excluded to the fullest extent permitted by law.